

3

Halatuzju Strategi

Kandungan

1. Visi MPPD	13
2. Teras Strategik 1	14
3. Teras Strategik 2	20
5. Teras Strategik 3	25
6. Teras Strategik 4	29
7. Teras Strategik 5	33




Memacu Port Dickson Sebagai Bandar Destinasi Peranginan Dunia



VISI TRANSFORMASI KE ARAH BANDARAYA PD 2045

Memacu Port Dickson Sebagai Bandar Destinasi Peranginan Dunia



Visi untuk menjadikan Port Dickson sebagai destinasi peranginan dunia adalah satu cabaran yang besar untuk digarap dan direalisasikan oleh seluruh warga kerja di MPPD. Walaubagaimana pun wawasan ini boleh dijadikan satu realiti sekiranya kita bijak mengatur perancangan untuk membina potensi kawasan serta mewujudkan tarikan yang menjadi pilihan ramai terutamanya kepada pelancong dari luar negara.

Berikut adalah elemen penting yang dapat menarik kehadiran pelancong ke Port Dickson dan perlu diperkasakan:



TERAS STRATEGIK 1

PEMACU PEMBANGUNAN TARIKAN PELANCONGAN PERSISIRAN PANTAI ANTARABANGSA

ISU DAN CABARAN ORGANISASI



MPPD berhadapan dengan peranan yang mencabar untuk memajukan industri pelancongan pantai. Pelbagai kekangan dihadapi untuk mengembangkan potensi kawasan dan mewujudkan pelbagai tarikan yang dapat meningkatkan jumlah pengunjung ke Port Dickson. Antara isu dan cabaran semasa yang dihadapi adalah:

Perspektif	Isu dan Cabaran	Cadangan Penyelesaian
Dalaman	Kekangan kewangan, tanah dan punca kuasa dalam pembangunan kawasan dan produk pelancongan	Libat urus semua pihak dalam pembangunan kawasan dan produk
Luaran	- Penglibatan bersama, kerjasama dan sokongan semua pihak - Sikap negatif pelancong dalam menjaga kebersihan dan kerosakan kemudahan awam - Pencemaran alam semulajadi dan aktiviti maritim - Wabak dan sekatan perjalanan - Penyedia perkhidmatan yang berkualiti	Perkasakan kerjasama strategik, penguatkuasaan tindakan undang-undang dan kawalseliaan yang berkesan

OBJEKTIF STRATEGIK DAN SASARAN PENCAPAIAN

MPPD telah menetapkan 7 objektif strategik bagi menangani isu dan cabaran berkaitan pembangunan industri pelancongan ini. Objektif strategik ini akan dijayakan dengan pelaksanaan beberapa inisiatif tindakan bagi meningkatkan kehadiran pengunjung ke Port Dickson. Berikut adalah objektif strategik dan sasaran pencapaian yang telah ditetapkan:

	Objektif Strategik	Sasaran Pencapaian
1.1	Menaiktaraf kemudahan, infrastruktur dan utiliti pelancongan yang kondusif	Kualiti dan impak projek Mencapai tahap cemerlang
1.2	Menggalakkan dan mempromosikan pelancongan berasaskan <i>meeting, incentives, conferences dan exhibition tourism</i> yang berdaya saing	Jumlah aktiviti dan penglibatan berkaitan yang direkodkan Meningkat setiap tahun
1.3	Membangunkan zon wellness berkualiti, mesra pengguna dan komprehensif	Kualiti dan maklum balas positif Minimim 85% tahap kepuasan pelanggan
1.4	Membangunkan ekopelancongan bagi kelestarian alam sekitar	Kualiti dan maklum balas positif Minimim 85% tahap kepuasan pelanggan
1.5	Memperkasakan tarikan pelancongan zon budaya dan warisan	Kualiti dan maklum balas positif Minimim 85% tahap kepuasan pelanggan
1.6	Meningkatkan potensi pembangunan zon komersial yang signifikan	Kualiti dan maklum balas positif Minimim 85% tahap kepuasan pelanggan
1.7	Mempertingkatkan projek pembangunan pelancongan berasaskan keperluan semasa	Kualiti dan maklum balas positif Minimim 85% tahap kepuasan pelanggan
1.8	Mengukuhkan potensi pelancongan utama dalam peringkat negeri dan antarabangsa	Kualiti dan maklum balas positif Minimim 85% tahap kepuasan pelanggan

OBJEKTIF DAN INISIATIF STRATEGIK

PEMACU PEMBANGUNAN TARIKAN PELANCONGAN PERSISIRAN PANTAI ANTARABANGSA

1.1 : Menaiktaraf kemudahan, infrastruktur dan utiliti pelancongan yang kondusif

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 1.1.1 Pembangunan Pantai Tanjung Gemok
- 1.1.2 Pembangunan Pantai Batu 1
- 1.1.3 Pembangunan Pantai Bagan Pinang
- 1.1.4 Pembangunan Pantai Saujana
- 1.1.5 Pembangunan Pantai Cahaya Negeri
- 1.1.6 Pembangunan Pantai Batu 5
- 1.1.7 Pembangunan Pantai Teluk Kemang
- 1.1.8 Pembangunan Pantai Purnama
- 1.1.9 Pembangunan Pantai Tanjung Biru
- 1.1.10 Pembangunan Pantai Cermin
- 1.1.11 Pembangunan Pantai Tanjung Biru



Kawasan pantai di Port Dickson merupakan tarikan utama yang menjadi tumpuan utama pelancong. Projek meningkatkan kemudahan dan fasiliti di kawasan ini merupakan keutamaan yang penting untuk meningkatkan keselesaan dan memenuhi keperluan pengunjung

1.2 : Menggalakkan dan mempromosikan pelancongan berasaskan *meeting, incentives, conferences* dan *exhibition tourism* yang berdaya saing

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 1.2.1 Mempromosi dan menggalakkan penganjuran kursus / latihan / bengkel / seminar / ceramah/ mesyuarat/ pameran di hotel 4 bintang ke atas dari pihak luar

1.3 : Membangunkan zon *wellness* berkualiti, mesra pengguna dan komprehensif

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 1.3.1 Mewujudkan *retirement village*
- 1.3.2 Cadangan rangkaian laluan basikal dan pejalan kaki
- 1.3.3 Menaik taraf kemudahan *wellness zone*

1.4 : Membangunkan ekopelancongan bagi kelestarian alam sekitar

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 1.4.1 Cadangan pembangunan di Hutan Lipur Pasir Panjang
- 1.4.2 Cadangan kawasan hutan semulajadi sebagai kawasan ekopelancongan di Hutan Paya Bakau Sungai Lukut
- 1.4.3 Cadangan kawasan hutan semulajadi kawasan ekopelancongan di Pulau Pelanduk dan Dataran Rumpai Laut
- 1.4.4 Cadangan pembangunan *river cruise* dari Jeti Sungai Linggi ke Pengkalan Kempas

1.5 : Memperkasakan tarikan pelancongan zon budaya dan warisan

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan


- 1.5.1 Mural di lorong belakang dan pada dinding yang dikenal pasti
- 1.5.2 Pemuliharaan warisan masjid Jalan Lama
- 1.5.3 Mewujudkan Malaysian Village
- 1.5.4 Menaik taraf Imej dan landskap Pekan Pasir Panjang
- 1.5.5 Menaik taraf Persiaran Pahlawan

1.6 : Meningkatkan potensi pembangunan zon komersial yang signifikan

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 1.6.1 Meroboh Medan Selera MPPD dan membina semula bangunan komersial
- 1.6.2 Menaik taraf Dataran Seri Kemang
- 1.6.3 Mewujudkan kafe terbuka (Bikers Kafe)
- 1.6.4 Mewujudkan restoren terapung dan nelayan *bay*
- 1.6.5 Kompleks Bebas Cukai



Penyediaan pelbagai produk pelancongan yang menarik sangat penting bagi mewujudkan konsep one stop tourism destinations bagi menyediakan kepelbagaian kawasan dan produk tarikan yang menjanjikan pelbagai pengalaman menarik untuk dialami oleh pelancong. Impian warga MPPD ingin menjadikan Port Dickson sebagai antara tempat paling menarik untuk dikunjungi di peta pelancongan dunia

1.7 : Mempertingkatkan projek pembangunan pelancongan berasaskan keperluan semasa

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 1.7.1 Cadangan klinik kesihatan dan pusat bencana
- 1.7.2 Cadangan jambatan baharu (Cadangan 4 Lorong 2 Hala)
- 1.7.3 Cadangan kawalan kualiti air
- 1.7.4 Cadangan pengekalan kawasan sensitif alam sekitar
- 1.7.5 Cadangan menyediakan laluan utama bas (*trunk road*)
- 1.7.6 Cadangan stesen dan laluan perkhidmatan komuter dan beach train
- 1.7.7 Cadangan pemasangan perangkap sampah
- 1.7.8 Cadangan penyambungan paip pembentungan dari premis individu sedia ada ke paip pembentungan setempat
- 1.7.9 Aplikasi teknologi hijau (Panel solar dan sistem penuaian Air Hujan (SPAH))

1.8 : Mengukuhkan potensi pelancongan utama dalam peringkat negeri dan antarabangsa

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 1.8.1 Menganjurkan program dan acara pelancongan daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa
- 1.8.2 Mempromosikan produk-produk pelancongan Port Dickson
- 1.8.3 Menjalinkan kolaborasi penganjuran acara dengan pemain industri setempat
- 1.8.4 Memperkenalkan hub makanan tradisional Negeri Sembilan dan makanan berasaskan laut
- 1.8.5 Jalinan kerjasama dengan “influencer” dan media massa
- 1.8.6 Promosi melalui pamflet, fun map, papan iklan LED, video, iklan
- 1.8.7 Jalinan yang baik dengan pihak media

TERAS STRATEGIK 2

KEINDAHAN DAN KELESTARIAN BANDAR PELANCONGAN



MPPD berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam mengekalkan kebersihan dan keindahan kawasan bandar terutamanya di kawasan persisiran pantai. Aduan berkaitan sampah, tanah terbiar, pokok yang tidak diselenggara, pencemaran pantai antara perkara yang sering dilaporkan oleh pelbagai pihak. Perlu ada tindakan strategik bagi mengatasi isu dan cabaran tersebut secara berterusan.

Perspektif	Isu dan Cabaran	Cadangan Penyelesaian
Dalam	Kekangan kewangan, aset, jentera, kakitangan dan bidang kuasa	Libat urus semua pihak dalam pemantauan dan menjaga kebersihan dan menangani aduan
Luaran	- Penglibatan bersama, kerjasama dan sokongan semua pihak - Sikap negatif pelancong dalam menjaga kebersihan dan kerosakan kemudahan awam - Pencemaran alam semulajadi dan aktiviti maritim - Penyedia perkhidmatan yang bertanggung jawab dan berkesan - Tanah individu yang semak dan tidak diselenggara dengan baik	Perkasakan kerjasama dalam penguatkuasaan tindakan undang-undang dan pemantauan yang berkesan

OBJEKTIF STRATEGIK DAN SASARAN PENCAPAIAN

MPPD telah menetapkan 5 objektif strategik bagi menangani isu dan cabaran berkaitan peningkatan keindahan dan kelestarian kawasan MPPD. Objektif strategik ini akan dijayakan dengan pelaksanaan beberapa inisiatif tindakan bagi pengindahan kawasan tumpuan pelancong dan penghijauan kawasan. Berikut adalah objektif strategik dan sasaran pencapaian yang telah ditetapkan:

	Objektif Strategik	Sasaran Pencapaian
2.1	Menjayakan program pengindahan bandar dan lokasi pelancongan	Maklum balas positif Mencapai tahap tertinggi penilaian
2.2	Meningkatkan tahap kebersihan seluruh kawasan bandar dan lokasi pelancong	Jumlah aduan sampah yang direkodkan Berkurangan setiap tahun
2.3	Meningkatkan tahap kesihatan awam dan pelancong	Jumlah kes kesihatan dan aduan Berkurangan setiap tahun
2.4	Menjayakan agenda bandar hijau rendah karbon	Jumlah kawasan hijau dan indeks pencemaran Meningkat dan bertambah baik
2.5	Mengekalkan warisan dan identiti setempat menjadi tarikan pelancong	Jumlah kawasan warisan dan maklum balas positif Bertambah dan terpelihara dengan baik



Kehijauan, keindahan kawasan dan kelestarian alam merupakan faktor kritikal dalam mewujudkan perbandaran idaman penduduk dan pelancong. Pelbagai usaha akan dilakukan bagi meningkatkan lagi kehijauan kawasan serta pengindahan kawasan tumpuan ramai bagi mewujudkan bandar pelancongan yang bersih dan indah

OBJEKTIF DAN INISIATIF STRATEGIK KEINDAHAN DAN KELESTARIAN BANDAR PELANCONGAN

2.1 : Menjayakan program pengindahan bandar dan lokasi pelancongan

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 2.1.1 Memperbaharui dan menjayakan Pelan Induk Landskap PD terkini
- 2.1.2 Melaksanakan projek pengindahan kawasan tumpuan ramai di PD
- 2.1.3 Meningkatkan pengeluaran bahan landskap dan pengurangan kos operasi
- 2.1.4 Meningkatkan penglibatan komuniti dan agensi dalam pengindahan kawasan mereka dan kawasan tumpuan pelancong
- 2.1.5 Mengemaskini data sistem inventori pokok
- 2.1.6 Melaksanakan tindakan penguatkuasaan untuk atasi kerosakan landskap
- 2.1.7 Mengatasi masalah pembuangan sampah haram melalui pemantauan berkala kawasan berisiko



Antara cabaran utama yang dihadapi adalah bagi meningkatkan kesedaran awam untuk bersama menjaga kebersihan dan keindahan kawasan. Pelbagai langkah strategik akan digerakkan bagi meningkatkan libat urus semua pihak bagi merealisasikan visi menjadikan Port Dickson antara bandar pelancongan terbersih dan terindah di Malaysia dan dunia

2.2 : Meningkatkan tahap kebersihan seluruh kawasan bandar dan lokasi pelancong

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 2.2.1 Mengatasi masalah pembuangan sampah haram melalui pemantauan berkala kawasan berisiko
- 2.2.2 Meningkatkan keberkesanan projek anak angkat pantai
- 2.2.3 Tingkatkan penguatkuasaan bagi mengatasi masalah sampah di kawasan awam, pelancong dan tanah terbiar
- 2.2.4 Memantau kerja-kerja pembersihan penyedia perkhidmatan kontraktor
- 2.2.5 Mengiatkan kempen kebersihan di kawasan PD dan anti vandalism
- 2.2.6 Menyediakan data kawasan *grey area* yang berisiko dan pemantauan berkala
- 2.2.7 Menyediakan dan menyelaraskan data kawasan perkhidmatan pembersihan di dalam GIS

2.3 : Meningkatkan tahap kesihatan awam dan pelancong

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 2.3.1 Melaksanakan kempen kesihatan awam
- 2.3.2 Menjalankan kawalan dan pemantauan SOP secara berkala
- 2.3.3 Melaksanakan pemantauan dan mengemaskini data dan rekod
- 2.3.4 Meningkatkan penglibatan komuniti dan agensi dalam meningkatkan kesihatan awam
- 2.3.5 Meningkatkan tindakan penguatkuasaan bersama agensi lain

2.4 : Menjayakan agenda bandar hijau rendah karbon

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 2.4.1 Memperluaskan teknologi hijau dan GBI dalam komponen pembangunan
- 2.4.2 Mengembangkan inisiatif kejiranan hijau
- 2.4.3 Memantau tahap pencemaran secara berkala
- 2.4.4 Menambah fasiliti dan kemudahan teknologi hijau
- 2.4.5 Menggalakkan aktiviti penghijauan kawasan oleh pelbagai pihak
- 2.4.6 Sesi libat urus bersama Malaysian Green Tech Corporation untuk projek rendah karbon

2.5 : Mengekalkan warisan dan identiti setempat menjadi tarikan pelancong

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 2.5.1 Menggalakkan usaha dan kolaborasi mengekalkan bangunan dan kawasan bersejarah
- 2.5.2 Mempromosikan kawasan bersejarah untuk menarik pelancong
- 2.5.3 Projek upgrade imej kawasan lama menjadi salah satu tarikan baru di PD
- 2.5.4 Menetapkan syarat pengekalan rekabentuk fasad bangunan lama
- 2.5.5 Menetapkan syarat baru bagi memperkasakan identiti PD

TERAS STRATEGIK 3

BANDAR PELANCONGAN SELAMAT DAN PINTAR



MPPD berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam meningkatkan tahap keselamatan kawasan bandar dan memperluaskan penggunaan teknologi terkini dalam penyediaan perkhidmatan dan menyelesaikan masalah perbandaran. Pihak MPPD komited untuk menjadikan Bandar Port Dickson sebagai destinasi pilihan pelancong kerana jaminan keselamatan dan setiap warga penduduk merasa selamat untuk tinggal dan bekerja di kawasan ini.

Perspektif	Isu dan Cabaran	Cadangan Penyelesaian
Dalaman	Kekangan kewangan, aset, jentera, teknologi, peralatan, kepakaran dan bidang kuasa agensi lain	Libat urus semua pihak dalam menggunakan aset dan kekuatan mereka untuk meningkatkan tahap keselamatan di kawasan MPPD
Luaran	- Penglibatan bersama, kerjasama dan sokongan semua pihak dalam membentasi jenayah - Penyedia perkhidmatan yang bertanggung jawab dan berkesan - Kekangan kapasiti dan kualiti teknologi yang ditawarkan - Vandalisma oleh pengguna - Kegiatan jenayah di luar bidang kuasa MPPD	Perkasakan kerjasama dalam penguatkuasaan tindakan undang-undang dan pemantauan yang berkesan bersama pihak yang berkuasa

OBJEKTIF STRATEGIK DAN SASARAN PENCAPAIAN

MPPD telah menetapkan 4 objektif strategik bagi menangani isu dan cabaran berkaitan peningkatan tahap keselamatan dan kepintaran aplikasi teknologi kawasan MPPD. Objektif strategik ini akan dijayakan dengan pelaksanaan beberapa inisiatif tindakan bagi memantapkan tahap keselamatan kawasan MPPD dan peningkatan penggunaan teknologi terkini dalam pengurusan perbandaran dan penyelesaian masalah semasa. Berikut adalah objektif strategik dan sasaran pencapaian yang telah ditetapkan:

	Objektif Strategik	Sasaran Pencapaian
3.1	Menyediakan infra dan fasiliti lengkap bandar selamat dan pintar	Maklum balas positif pengguna Mencapai tahap tertinggi penilaian
3.2	Memantapkan sistem komunikasi dalaman bandar bagi tindakan membendung jenayah	Tahap kepantasan dan kecekapan sistem Berkurangan kes setiap tahun
3.3	Melaksanakan program pengukuhan komuniti selamat dan pintar	Jumlah kes jenayah dan pengguna teknologi Berkurangan setiap tahun dan penggunaan meningkat setiap tahun
3.4	Memperkasa institusi komuniti sebagai agen perubahan ke arah bandar selamat dan pintar	Jumlah kes jenayah di komuniti dan tahap penggunaan teknologi Kes berkurangan dan penggunaan bertambah baik setiap tahun



Pelbagai usaha akan digerakkan bagi meningkatkan tahap keselamatan kawasan Port Dickson dengan melibatkan semua pihak dalam merealisasikan impian menjadikan kawasan Port Dickson antara destinasi pelancongan paling selamat di Malaysia dan dunia serta menuju ke arah bandar dan komuniti pintar

OBJEKTIF DAN INISIATIF STRATEGIK BANDAR PELANCONGAN SELAMAT DAN PINTAR

3.1 : Menyediakan infra dan fasiliti lengkap bandar selamat dan pintar

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 3.1.1 Melaksanakan secara berfasa 15 langkah bandar selamat dalam kawasan PD.
- 3.1.2 Meningkatkan pematuhan projek pembangunan menyediakan infra, kemudahan awam dan fasiliti keselamatan
- 3.1.3 Meningkatkan penglibatan pelbagai pihak menangani isu vandalism harta awam
- 3.1.4 Menggerakkan usaha pembersihan kawasan berisiko dan sarang dadah bersama agensi berkaitan
- 3.1.5 Melaksanakan projek pembaikan sistem perparitan dan penyelenggaraan berkala kemudahan awam/ pelancong
- 3.1.6 Memantapkan sistem pemantauan kawasan berisiko (banjir, tanah runtuh, pokok tumbang, penyakit, anjing liar dll)
- 3.1.7 Melaksanakan sistem *smart parking* di kawasan MPPD ke arah *smart mobility*
- 3.1.8 Meningkatkan kolaborasi untuk meningkatkan tahap kesediaan infra jalur lebar di kawasan MPPD
- 3.1.9 Mengkaji rekabentuk dan penilaian bahan bagi mengurangkan kerosakan dan vandalisma

3.2 : Memantapkan sistem komunikasi dalaman bandar bagi tindakan membendung jenayah

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 3.2.1 Memantapkan platform komunikasi pantas menggunakan aplikasi berkaitan info jenayah dan langkah pencegahan
- 3.2.2 Penggunaan CCTV dalam membantu pemantauan oleh agensi penguatkuasaan

3.3 : Melaksanakan program pengukuhan komuniti selamat dan pintar

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 3.3.1 Mewujudkan skuad prihatin bandar melibatkan pelbagai pihak bagi menggerakkan projek CSR
- 3.3.2 Menggalakkan penganjuran program komuniti sihat dan sejahtera
- 3.3.3 Menggerakkan program peningkatan penggunaan e perkhidmatan MPPD

3.4 : Memperkasa institusi komuniti sebagai agen perubahan ke arah bandar selamat dan pintar

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 3.4.1 Menggalakkan program *community policing* bersama pihak PDRM
- 3.4.2 Meningkatkan penglibatan pemimpin masyarakat dalam menjayakan agenda bandar selamat dan pintar

TERAS STRATEGIK 4

TADBIR URUS PERBANDARAN PELANCONGAN YANG EFEKTIF



MPPD berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam menyampaikan perkhidmatan. Warga kerja MPPD komited untuk menjadikan organisasi ini menjadi lebih efisien dan berkesan dalam melaksanakan perkhidmatan perbandaran serta mengamalkan tadbir urus yang berkualiti. Seluruh warga kerja akan sentiasa berusaha mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dan melaksanakan inovasi secara berterusan bagi memantapkan mutu perkhidmatan kepada semua pemegang taruh.

Perspektif	Isu dan Cabaran	Cadangan Penyelesaian
Dalaman	Kekangan kewangan, fasiliti dan aset yang terhad, kekurangan kepakaran dan jumlah kakitangan yang mencukupi, teknologi yang kurang terkini dan ekspektasi tinggi pelanggan serta bidang kuasa yang terhad	Latihan berterusan bagi membina budaya kerja positif dan kompetensi, jalinan kerjasama strategik bagi mewujudkan perkongsian pintar dan inovasi berterusan
Luaran	- Penglibatan bersama, kerjasama dan sokongan semua pihak dalam penyampaian perkhidmatan perbandaran - Penyedia perkhidmatan yang bertanggung jawab dan berkesan - Kekangan kapasiti dan kualiti teknologi yang ditawarkan - Campur tangan pihak luar dan ancaman	Perkongsian pintar bersama pelbagai agensi bagi mengurus perbandaran dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan kawalan mutu perkhidmatan secara berterusan

OBJEKTIF STRATEGIK DAN SASARAN PENCAPAIAN

MPPD telah menetapkan 4 objektif strategik bagi memantapkan tadbir urus organisasi dan meningkatkan mutu perkhidmatan perbandaran. Tadbir urus berkualiti merupakan asas penting kepada kecekapan perkhidmatan perbandaran. Berikut adalah objektif strategik dan sasaran pencapaian yang telah ditetapkan:

	Objektif Strategik	Sasaran Pencapaian
4.1	Meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan perbandaran	Maklum balas positif pelanggan Mencapai tahap tertinggi penilaian
4.2	Memantapkan kepakaran dan kompetensi warga kerja MPPD	Tahap kompetensi kakitangan dan hasil kerja Meningkat setiap tahun
4.3	Meningkatkan kecekapan tadbir urus kewangan dan peningkatan sumber	Keseimbangan pendapatan dan keperluan perbelanjaan dan ROI Meningkat lebih baik setiap tahun
4.4	Meningkatkan keberkesanan pemuatan undang-undang dan peraturan	Jumlah kes pelanggaran dan tahap pemuatan Kes berkurangan dan tahap pemuatan meningkat



Tadbir urus berkualiti merupakan asas utama kepada kecemerlangan organisasi dan perkhidmatan. Usaha ke arah peningkatan kecekapan dan keberkesanan tadbir urus di MPPD akan dilaksanakan secara berterusan bagi penghasilan perkhidmatan kelas pertama. Input penting ke arah pemerkasaan tadbir urus adalah kakitangan kompeten, teknologi maklumat yang efektif, pengurusan perkhidmatan dan pelanggan yang berkualiti, budaya kualiti dan inovasi, persekitaran kerja yang kondusif, pengurusan kewangan dan aset yang cekap, undang-undang dan peraturan yang dipatuhi dan imej positif organisasi.

OBJEKTIF DAN INISIATIF STRATEGIK TADBIR URUS PERBANDARAN PELANCONGAN YANG EFEKTIF

4.1 : Meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan perbandaran

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 4.1.1 Membangunkan dan memantapkan aplikasi ke arah kecemerlangan perkhidmatan – sistem baru dan naik taraf sistem sedia ada
- 4.1.2 Pensijilan kualiti perkhidmatan teras bagi menjamin perkhidmatan berkualiti dan pembangunan SOP yang komprehensif
- 4.1.3 Memantapkan pengurusan aduan dan inovasi perkhidmatan berterusan

4.2 : Memantapkan kepakaran dan kompetensi warga kerja MPPD

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 4.2.1 Mewujudkan pelan pembangunan individu bagi membina kepakaran dalaman secara sistematik
- 4.2.2 Membuat kajian kesesuaian struktur perjawatan, fungsi, risiko serta bebanan tugas selari keperluan terkini organisasi



Pembangunan perbandaran yang cemerlang juga memerlukan komitmen dan kerjasama yang baik dari penduduk dan pelbagai agensi lain. Usaha ke arah menggiatkan penglibatan bersama penduduk dan agensi lain dalam membangun dan menjaga perbandaran amat kritikal dan perlu diperkasakan secara berterusan. Membangunkan perbandaran cemerlang adalah gabungan 3 faktor utama; fizikal bandar yang cemerlang, penduduk yang cemerlang dan tadbir urus perbandaran yang cemerlang.

4.3 : Meningkatkan kecekapan tadbir urus kewangan dan peningkatan sumber

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 4.3.1 Pengembangan hasil baru dan mengatasi masalah tunggakan cukai
- 4.3.2 Pematuhan kepada dasar dan amalan kewangan yang berkuatkuasa
- 4.3.3 Meningkatkan kecekapan sistem kewangan dan pengurusan aset yang efektif

4.4 : Meningkatkan keberkesanan pematuhan undang-undang dan peraturan

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 4.4.1 Penggubalan dan pengemaskinian undang-undang kecil
- 4.4.2 Memperkasa tindakan penguatkuasaan dan penambahan peralatan dan aset bagi memenuhi keperluan operasi penguatkuasaan
- 4.4.3 Memastikan pihak pengurusan bangunan strata mematuhi peruntukkan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) Peraturan Dan Garis Panduan berkaitan pengurusan bangunan berstrata



Penglibatan aktif kepimpinan dalam masyarakat amat penting kepada pembangunan perbandaran yang cemerlang. Setiap individu pemimpin dalam masyarakat berperanan untuk membimbing, menasihati, membantu, menyampaikan maklumat, menyelesaikan segala isu dan permasalahan dalam masyarakat. Pihak MPPD akan meningkatkan libat urus semua kepimpinan dalam komuniti dan agensi bagi bersama menjayakan visi dan misi Perbandaran Port Dickson.

TERAS STRATEGIK 5

PENGEMBANGAN SOSIO EKONOMI BERTERASKAN PELANCONGAN



MPPD berhadapan dengan tanggung jawab untuk membantu menjana dan mengembangkan sosio ekonomi tempatan. Dalam situasi kelembapan ekonomi disebabkan kesan wabak COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan telah menjejaskan kerancakan kegiatan ekonomi setempat. Sektor pelancongan antara sektor yang terjejas teruk disebabkan penurunan jumlah kehadiran pelancongan ke kawasan Port Dickson. Berikut adalah antara isu dan cabaran yang perlu tindakan dari pihak MPPD:

Perspektif	Isu dan Cabaran	Cadangan Penyelesaian
Dalaman	Kawasan kedai yang kosong dan terbiar, pemberhentian dan pembuangan pekerja kerana penguncupan perniagaan, kadar peratusan penginapan di hotel yang rendah, kawasan perniagaan yang kurang mendapat sambutan, kos hidup yang semakin meningkat di bandar, kadar sewa yang tinggi dan sebagainya	Penjenamaan semula PD sebagai destinasi membeli belah dan makanan, menarik pelaburan luar untuk membuka peluang pekerjaan, latihan keusahawanan dan mengurangkan kebergantungan kepada industri pelancongan
Luaran	Wabak COVID-19, perintah kawalan pergerakan, kuasa membeli yang semakin berkurangan, tarikan membeli belah yang menarik di bandar lain, akses jalan yang terhad ke kawasan Port Dickson, kesediaan sistem pengangkutan awam yang terhad, persaingan tarikan pelancongan yang lebih menarik dan pelbagai di bandar lain	Mempromosikan tempat menarik lain di Port Dickson, wujudkan tarikan baru, memperbaiki sistem jalanraya dan pengangkutan

OBJEKTIF STRATEGIK DAN SASARAN PENCAPAIAN

MPPD telah menetapkan 4 objektif strategik bagi memperkasakan sektor ekonomi dan mengembangkan aktiviti ekonomi yang lebih dinamik dan dapat meningkatkan pendapatan penduduk serta usahawan setempat. Pelbagai perancangan telah ditetapkan untuk mewujudkan peluang ekonomi yang lebih aktif di kawasan Port Dickson. Berikut adalah objektif strategik dan sasaran pencapaian yang telah ditetapkan:

Objektif Strategik	Sasaran Pencapaian
5.1 Meningkatkan akses kepada peluang penajaan ekonomi komuniti berteraskan pelancongan	Jumlah aktiviti perniagaan dan jualan Meningkat setiap tahun
5.2 Meningkatkan peluang pekerjaan secara berterusan	Peratus pengangguran dan jumlah pekerjaan baru Berkurangan setiap tahun dan bertambah peluang pekerjaan
5.3 Memantapkan imej PD destinasi makanan dan mengembangkan tarikan ke lokasi perniagaan	Jumlah kawasan dan jualan Meningkat lebih baik setiap tahun
5.4 Memastikan pembangunan perbandaran yang inklusif dan saksama	Jumlah program bantuan dan pengurangan beban kos sara hidup Pengurangan isu kemiskinan dan jurang sosio-ekonomi



Pihak MPPD akan menyokong usaha kepimpinan negara untuk mengatasi masalah kelembapan ekonomi dengan inisiatif tindakan di bawah bidang kuasa yang diperuntukan. Peluang perniagaan di kawasan tumpuan akan diperluaskan dengan menambah lokasi perniagaan baru dengan konsep yang lebih menarik serta meningkatkan promosi kawasan perniagaan sedia ada bagi menarik lebih ramai pengunjung ke premis perniagaan di kawasan berkenaan

OBJEKTIF DAN INISIATIF STRATEGIK

PENGEMBANGAN SOSIO EKONOMI BERTERASKAN PELANCONGAN

5.1 : Meningkatkan akses kepada peluang penjanaan ekonomi komuniti berteraskan pelancongan

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 5.1.1 Tingkat jalinan kerjasama memperkasa usahawan komuniti
- 5.1.2 Penambahan lokasi perniagaan di kawasan tarikan ramai bagi penjanaan pendapatan komuniti dengan konsep yang menarik
- 5.1.3 Meluaskan pelaksanaan kebun dan dusun komuniti terancang bagi mengurangkan kos sara hidup komuniti dan memenuhi keperluan tempatan serta pelancong
- 5.1.4 Peningkatan penglibatan komuniti dalam rantaian industri pelancongan

5.2 : Meningkatkan peluang pekerjaan secara berterusan

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 5.2.1 Memudahkan proses kelulusan pembangunan industri bersesuaian untuk melabur di PD
- 5.2.2 Mempromosikan peluang kerjaya kepada komuniti di PD di platform sedia ada



Pihak MPPD akan membantu ke arah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di kawasan Port Dickson. Usaha akan dijayakan dengan memudahkan proses kelulusan untuk pelaburan baru dan pembukaan kawasan industri yang bersesuaian. Visi jangka panjang MPPD adalah menjadikan Port Dickson bandar yang berdaya saing dan dapat menawarkan peluang pekerjaan yang meluas untuk seluruh penduduk setempat.

5.3 : Memantapkan imej PD destinasi makanan dan mengembangkan tarikan ke lokasi perniagaan

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 5.3.1 Penjenamaan PD destinasi Food Paradise dan peningkatan lokasi perniagaan makanan di kawasan tarikan ramai dengan konsep yang menarik
- 5.3.2 Memperkasakan promosi & tarikan di pusat perniagaan di PD
- 5.3.3 Menggerakkan platform jaringan bersama semua usahawan di PD bagi tujuan perkongsian pintar dan promosi perniagaan

5.4 : Memastikan pembangunan perbandaran yang inklusif dan saksama

Antara inisiatif yang dicadangkan untuk menjayakan objektif strategik adalah:

Pelan Tindakan

- 5.4.1 Mengembangkan projek CSR komuniti prihatin bagi membantu ahli dalam komuniti untuk mengurangkan beban hidup dan bantuan kewangan bersama agensi berkaitan



Pihak MPPD akan merangka strategi untuk membangunkan Port Dickson sebagai destinasi membeli belah dan destinasi makanan bagi memenuhi keperluan pelancong tempatan dan luar negara. Inisiatif strategik akan dilaksanakan dengan mewujudkan lokasi makanan yang unik dan menarik di pelbagai kawasan strategik di Port Dickson. Semoga dengan pelaksanaan perancangan ini, visi menjadikan Port Dickson destinasi peranginan dunia akan menjadi realiti dengan tarikan lokasi dan menu makanan menarik yang melibatkan usahawan tempatan.